

MAHKAMAH PERUSAHAAN

NOTA AMALAN BIL. 1 TAHUN 2020

Sebutan Kes Mahkamah Perusahaan Malaysia Secara e-Sebutan

Tujuan Nota Amalan ini adalah bagi mengawal selia pelaksanaan sebutan kes secara e-Sebutan di Mahkamah Perusahaan Malaysia bagi memastikan pengurusan kes berjalan dengan lancar.

Dalam menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 28 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, saya dengan ini mengeluarkan arahan-arahan seperti berikut:

1. Permulaan kuat kuasa dan pemakaian

- 1.1 Nota Amalan ini mula berkuat kuasa pada **22 Jun 2020**.
- 1.2 Nota Amalan ini hendaklah dibaca bersama-sama Nota Amalan Bil 1 Tahun 2019 Sistem e-Pemfailan dan e-Penyerahan.

2. Kaedah penyampaian

- 2.1 Selain kaedah yang dinyatakan di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah Perusahaan Malaysia 1967, penyampaian notis/surat/dokumen berhubung kes boleh dilakukan mengikut kaedah seperti berikut:
 - i. melalui e-mel. Notis/surat/dokumen dalam format *pdf* dianggap sebagai dokumen rasmi;
 - ii. faks;
 - iii. pos biasa; dan
 - iv. cara penyerahan yang lain yang ditetapkan oleh Mahkamah dari semasa ke semasa.

2.2 Penyampaian melalui kaedah di atas akan dianggap sempurna melalui rekod kejayaan transaksi penyampaian e-mel dan faks.

3. Sebutan kes secara e-Sebutan

3.1 Sebelum sesi e-Sebutan:

- a) Sebutan kes secara e-Sebutan dikendalikan oleh Penolong Pendaftar dalam platform yang ditetapkan oleh Mahkamah; dan
- b) Notis Penetapan Sebutan Kes secara e-Sebutan (“Notis tersebut”) seperti di Lampiran A hendaklah disampaikan ke alamat e-mel terakhir Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil pihak-pihak bertikai.

3.2 Semasa sesi e-Sebutan:

- a) Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil pihak-pihak bertikai hendaklah mengakses capaian (*link*) sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis tersebut;
- b) Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil pihak-pihak bertikai hendaklah **menaip nama penuh, nombor kes dan kata laluan** seperti yang dinyatakan dalam Notis tersebut bagi tujuan pengesahan; dan
- c) Yang Menuntut / wakil Syarikat / Peguam atau Wakil pihak-pihak bertikai dikehendaki mengambil maklum dan mencatatkan semua arahan Mahkamah yang diberikan untuk rujukan sendiri.

3.3 Selepas sesi e-Sebutan:

Penolong Pendaftar akan memadam kesemua mesej dalam platform yang digunakan tersebut setelah sesi e-Sebutan tamat.


3.4 Jika sesi e-Sebutan gagal dijalankan atas sebab ketidakhadiran mana-mana pihak, Penolong Pendaftar akan mengambil tindakan berikut:

- i) memberi arahan sewajarnya;
- ii) mengeluarkan notis makluman mengenai arahan yang telah dibuat serta tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

4. Lain-lain

Pihak Mahkamah boleh menentukan kaedah sebutan yang lain yang sesuai berdasarkan jenis dan/atau keadaan kes.

Bertarikh : 17 Jun 2020



**EDDIE YEO SOON CHYE
YANG DIPERTUA
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA**

NOTIS PENETAPAN SEBUTAN KES SECARA e-SEBUTAN

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KES NO:

Antara

dan

Dimaklumkan bahawa penetapan sebutan kes ini akan diadakan secara dalam talian (e-Sebutan) pada 20.. oleh , Penolong Pendaftar, Mahkamah Perusahaan, Kuala Lumpur.

Sila ambil maklum bahawa pihak-pihak dikehendaki mematuhi arahan-arahan berikut:

1. Bagi tujuan e-Sebutan ini, Pemohon tidak perlu menyerahkan notis ini kepada pihak Syarikat.
 2. Pihak-pihak tidak perlu hadir untuk sebutan kes secara fizikal di Mahkamah pada tarikh sebutan kes secara e-Sebutan yang ditetapkan.
 3. Sesi sebutan e-Sebutan ini hanya perlu dihadiri secara maya oleh Pemohon, Peguam yang mewakili Pemohon dan wakil dari Syarikat serta Peguam yang mewakili Syarikat.

Butcher mannanoligosaccharides

Butiran mengenai sesi e-Sebutah adalah se-
Tarikh : -

Tarikh
Masa

Masa :
Link :

5. Sila akses melalui capaian (*link*) di atas pada masa dan tarikh yang ditetapkan. Taipkan nama penuh masing-masing serta kata laluan bagi tujuan pengesahan oleh Penolong Pendaftar.
 6. Semua arahan Mahkamah akan diberikan kepada pihak-pihak seperitimana sesi sebutan secara fizikal. Pihak-pihak dikehendaki mengambil maklum serta membuat catatan mengenai arahan yang diberikan kerana kesemua mesej akan dipadamkan setelah ianya disahkan oleh semua pihak.
 7. Jika sesi e-Sebutan gagal dijalankan atas sebab ketidakhadiran mana-mana pihak, Penolong Pendaftar akan membuat apa-apa arahan sewajarnya atau mengeluarkan notis makluman mengenai arahan yang telah dibuat serta tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

Bertarikh : 20...

Penolong Pendaftar
Mahkamah Perusahaan
Kuala Lumpur

[Dokumen ini dijana secara pengkomputeraan. Tandatangan tidak diperlukan]